

1. Baca karangan di bawah dan isikan tempat-tempat kosong dengan jawapan yang disediakan.

Tajuk : **Faedah Membantu Ibu Bapa Di Rumah**

membantu	berehat	melatih	rumah	payah
hadapan	anak	keletihan	kemesraan	merugikan

Sejak kita dilahirkan, ibu bapa bersusah 1)_____ menjaga dan mencari nafkah bagi kesejahteraan hidup kita. Sememangnya kita patut 2)_____ orang tua kita melakukan kerja-kerja rumah. Dengan bantuan kita, kuranglah 3)_____ mereka.

Sikap tolong-menolong antara 4)_____ dengan ibu bapa boleh mengukuhkan lagi perasaan kasih sayang dan 5)_____. Ini dapat melahirkan sebuah keluarga yang harmoni. Membantu melakukan kerja-kerja rumah juga boleh 6)_____ kita berdikari . Pertolongan yang diberi adalah satu bentuk latihan yang dapat digunakan pada masa 7)_____.

Kita telah memberi peluang kepada ibu bapa masa untuk
8)_____ apabila kita membantu mereka melakukan
kerja-kerja 9)_____. Jelaslah, membantu ibu bapa
bukanlah satu perkara yang 10)_____ malah sesuatu
yang perlu dibanggakan.

(10 markah)

BAHAGIAN B (FAHAMAN)

1. Baca fahaman di bawah dan kemudian jawab soalan yang disediakan.

Tajuk : Pisang Goreng Garing

Edry adalah seorang peniaga pisang goreng yang terkenal di kampungnya. Idea untuk berjual pisang goreng bermula setelah dia dibawa meninjau ke kebun pisang sahabatnya. Di situ, Edry melihat banyak pisang yang terbuang dan dijadikan makanan binatang ternak. Lalu, dia berfikir untuk mengolah pisang-pisang itu agar menjadi hidangan yang digemari. Edry cuba membuat inovasi dengan menghasilkan pisang goreng yang beraneka bentuk seperti dipotong melintang, memanjang, bulat, bentuk kipas dan sebagainya.

Dalam memperkenalkan produknya, Edry tidak malu berjaja pisang goreng dari rumah ke rumah. Pada mulanya dia hanya mampu menjual 20 potong pisang goreng dalam sehari. Pembeli

tidak biasa dengan bentuk pisang goreng ciptaan Edry yang berbeza dengan pisang goreng yang sedia ada.

Namun, lama kelamaan, pisang gorengnya mula dikenali dan disukai oleh masyarakat. Edry pun memberanikan diri menyewa tapak berniaga di pekan. Pisang goreng Edry mempunyai keistimewaan kerana digoreng bersama pandan dan kadar minyak yang sedikit. Selain itu, pisang goreng ini juga tahan lama kerangupannya hingga kira-kira 3 jam.

Soalan:

Gariskan jawapan yang betul.

- a) Bagaimanakah mulanya timbul idea Edry untuk menjual pisang goreng?
 - a. Setelah dia di bawa meninjau ke kebun pisang ayahnya.
 - b. Setelah dia di bawa meninjau ke kebun pisang keluarganya.
 - c. Setelah dia di bawa meninjau ke kebun pisang sahabatnya.

- b) Apakah inovasi (pembaharuan) pisang goreng yang dibuat oleh Edry?
 - a. Inovasi pisang goreng yang dibuat Edry ada beraneka bentuk.
 - b. Inovasi pisang goreng yang dibuat Edry ada beraneka warna.

- c. Inovasi pisang goreng yang dibuat Edry berbentuk bulat.
- c) Bagaimanakah Edry memperkenalkan produk pisang goreng pada mulanya?
- a. Dia berjaja dari rumah ke sekolah.
 - b. Dia berjaja dari pantai ke rumah.
 - c. Dia berjaja dari rumah ke rumah.
- d) Mengapakah jualan pisang goreng Edry pada mulanya tidak mendapat sambutan?
- a. Kerana pembeli tidak biasa dengan bentuk pisang goreng ciptaan Edry yang berbeza dengan pisang goreng yang sedia ada.
 - b. Kerana pembeli tidak suka dengan bentuk pisang goreng ciptaan Edry yang berbeza dengan pisang goreng yang sedia ada.
 - c. Kerana pembeli tidak biasa dengan rasa pisang goreng ciptaan Edry yang berbeza dengan pisang goreng yang sedia ada.
- e) Apakah keistimewaan pisang goreng Edry?
- a. Keistimewaan pisang goreng Edry ialah ia digoreng dengan daun kari dan kadar minyak yang sedikit.

- b. Keistimewaan pisang goreng Edry ialah ia di goreng dengan daun pandan dan kadar minyak yang banyak.
- c. Keistimewaan pisang goreng Edry ialah ia di goreng dengan daun pandan dan kadar minyak yang sedikit.

(10 markah)

BAHAGIAN C (Tatabahasa)

a) Isi tempat kosong dengan **Kata Sendi Nama** yang sesuai.

- 1. Zarina berusaha _____ menjadi pengusaha yang berjaya. (**bagi , untuk**)
- 2. Keropok udang itu dibuat _____ bahan-bahan yang segar. (**pada, daripada**)
- 3. Asrul mengirim surat _____ sahabat penanya di Sabah. (**kepada, bagi**)
- 4. Ayah baru pulang _____ Kuala Belait. (**di, dari**)
- 5. Maniam terjun _____ dalam sungai. (**pada, ke**)

(5 markah)

b) Isi tempat kosong dengan **kata bantu** yang tepat.

telah	mahu	akan	masih	mesti
--------------	-------------	-------------	--------------	--------------

1. Kita _____ berhati-hati semasa melintas jalan raya.
2. Bas itu dijangka _____ tiba dari Kuala Belait pada pukul 2.00 petang.
3. Zamri _____ menyiapkan kerja sekolahnya dengan segera.
4. Kerja-kerja membina bangunan itu _____ siap sebulan yang lalu.
5. Datuk _____ belum sedar ketika kami menziarahinya di hospital.

(5 markah)

c) Pilih **Simpulan Bahasa** yang betul bagi maksud yang disediakan.

Jari manis	Jadi air	Jari hantu
Mulut murai	Tahi lalat	Ibu keladi

1. _____ maksudnya perempuan yang mempunyai ramai anak.
2. _____ maksudnya habis.

3. _____ maksudnya bintik hitam pada kulit.
4. _____ maksudnya jari yang terletak antara jari hantu dan jari kelengkeng.
5. _____ maksudnya orang yang suka bercakap.

(5 markah)

d) Berikan **kata seerti (sinonim)** yang paling sesuai.

gentar	sinar	menjerit	pulang	terperanjat
---------------	--------------	-----------------	---------------	--------------------

1. Kami membuka pintu supaya ada **cahaya** (_____) masuk.
2. Saya dan kawan-kawan **balik** (_____) bersama-sama dari sekolah.
3. Nordin **terkejut** (_____) mendengar suara anjing menyalak itu.
4. Mereka **takut** (_____) untuk melintas di hadapan rumah yang usang itu.
5. Kita tidak boleh **berteriak** (_____) apabila bercakap dengan ibu bapa kita.

(5 markah)

e) Berikan **kata berlawanan (antonim)** yang paling sesuai.

lapar	wangi	ringan	kasar	senja
--------------	--------------	---------------	--------------	--------------

- a) Bau **busuk** di dalam itu menjadi _____ apabila
disembur dengan minyak wangi.
- b) Benda yang **berat** akan tenggelam tetapi benda yang
_____ akan timbul.
- c) Burung keluar mencari makan pada waktu **subuh** dan pulang ke
sarangnya pada waktu _____ .
- d) Biasanya harimau akan tidur apabila **kenyang** dan bangun
mencari mangsanya apabila _____ .
- e) Budak-budak mudah menerima teguran secara **halus** daripada
teguran secara _____ .

(5 markah)